

26/09/2003

PM yakin rakyat di luar negara sokong Pak Lah

Hafifi Hafidz

NEW YORK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin rakyat Malaysia yang tinggal dan mencari nafkah di seberang laut, akan terus menyokong Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila timbalannya itu mengambil alih teraju kepemimpinan negara.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan sambutan hangat yang kerap diterima pemimpin kerajaan apabila menghadiri majlis perjumpaan dengan rakyat Malaysia ketika lawatan atau tugas rasmi di luar negara, Abdullah juga akan menerimanya.

"Saya rasa bahagia dan gembira setiap kali dapat sambutan sebegini. Sebagaimana semua maklum saya akan berundur tidak lama lagi.

"Saya percaya di mana juga rakyat Malaysia berada di seberang laut, mereka juga akan terus menyokong Pak Lah dan kerajaan," katanya berucap pada majlis makan dengan warga Malaysia di Chinatown dekat sini, malam kelmarin.

Dr Mahathir yakin pembangunan pesat yang dibawa pemimpin sehingga berjaya menjadikan negara aman dan maju serta mencipta nama di arena antarabangsa, juga menjadi kebanggaan warga Malaysia di seberang laut.

Turut hadir pada majlis itu, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan anaknya Datuk Paduka Marina, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Jalil dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin. Majlis yang diadakan tanpa diketahui Dr Mahathir itu, diatur oleh Syed Hamid.

Lebih 400 rakyat Malaysia pelbagai kaum, terutama Cina yang bekerja, berniaga dan belajar di sini, Washington, Boston, Connecticut, New Jersey dan beberapa kawasan berdekatan, menghadiri majlis makan malam itu untuk bertemu dengan Dr Mahathir.

Dr Mahathir bangga kerana ke mana saja beliau pergi ke luar negara, pasti dapat bertemu ramai rakyat Malaysia sama ada yang bekerja, berniaga atau belajar.

"Saya tak sangka dapat sambutan sebegini hebat. Saya hanya diberitahu akan keluar ke Chinatown malam ini untuk makan. Saya gembira ke mana saja saya ke luar negara, pasti ada ramai rakyat Malaysia yang jelas kita adalah rakyat yang kuat bekerja dan belajar mencari ilmu.

"Saya berharap, satu hari nanti mereka tetap akan pulang ke tanah air kerana Malaysia adalah negara berbilang kaum dan semua dapat tinggal dalam suasana harmoni," katanya.

Perdana Menteri yakin Malaysia akan berjaya melangkah menjadi negara maju menjelang 2020 dan ramai rakyat di luar negara akan pulang.

"Walaupun ada yang tidak balik mungkin berkahwin dengan rakyat negara lain, saya yakin sampai bila-bilapun Malaysia sentiasa di hati mereka," katanya.

Majlis makan malam itu diserikan dengan pertunjukan kebudayaan pelbagai kaum yang ditampilkan oleh penduduk Chinatown dan pejabat Pelancongan Malaysia di sini.

Hadirin juga dihiburkan oleh dua penyanyi yang sudah lama tidak muncul, Khatijah Ibrahim dan Sakura yang popular dengan lagu Jali-Jali pada tahun 70-an. Kedua-dua penyanyi itu membuka perniagaan di sini.

Sebagai mengakhiri majlis, Khatijah atau lebih dikenali Khaty, menyanyikan lagu 'Legenda' yang dipopularkan oleh Sheila Majid.

Perdana Menteri yang mendapat tepukan gemuruh ketika lagu itu dinyanyikan, kelihatan sebak manakala Siti Hasmah menitikkan air mata sebelum dikerumuni ramai untuk bersalam serta bergambar.